

**REKAAN DAN HIASAN MOTIF YANG DITERAPKAN
PADA PERMUKAAN TEPAK SIRIH**

Disediakan Oleh

Harteany Bte Samilan

98116174

Tesis ini dikemukakan kepada Falkulti Seni Lukis dan Seni Reka
sebagai memenuhi sahabat bagi mendapatkan Ijazah Sarjan Muda Am Seni
Lukis dan Seni Reka.

Diperiksa oleh: _____ Tandatangan oleh: _____

Diperiksa oleh: _____ Tandatangan oleh: _____

Diperiksa oleh: _____ Tandatangan oleh: _____

Dekan,

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,

Universiti Teknologi Mara,

40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Isi Kandungan.	Muka
surat	
Penghargaan	
Tujuan dan Matlamat	
Skop Kajian	
Hipotesis	
Methodologi Kajian	
Pengenalan	1
Bab 1	
1.1 Sejarah tepak sirih	7
1.1.1 Sejarah permulaan penggunaan tepak sirih	10
1.1.2 Sejarah pertukangan tepak sirih	13
1.2 Pengaruh dan perubahan dalam penghasilan tepak sirih	16
1.3 Jenis-jenis tepak sirih	19
Bab 2	
2.1 Pendefinasian motif	23
2.2 Perkembangan idea dalam penghasilan motif pada tepak sirih	26
2.3 Kesesuaian penggunaan jenis-jenis motif dalam rekabentuk	32
2.4 Bentuk persembahan motif dalam setiap rekaan	37

PENGHARGAAN

Syukur allhamdullillah kepada Allah di atas limpah kurnia-Nya kepada diri ini dengan memberi kesihatan dan kecekalan untuk melengkapkan dan menyiapkan tajuk tesis ini walaupun terdapat beberapa perkara yang menghalang ketika menyiapkan tesis ini telah dapat saya atasi dan terpaksa untuk ditempuhi.

Dalam pemilihan tajuk ini saya merasa warisan budaya telah berkembang dalam bidang industri negara kita di mana ia memerlukan pendedahan yang lebih mendalam lagi bagi mengupas segala maksud-maksud atau bentuk-bentuk yang tersirat pada penghasilan tepak sirih dalam industri ini.

Dengan terhasilnya buku tesis ini ia dapat memperkembangkan lagi maklumat tentang warisan budaya tradisi masyarakat melayu kepada setiap golongan dan juga para pelajar bagi memperingati budaya kita hingga ke akhirnya.

PENGENALAN.

Tepak sirih merupakan tempat untuk meletakkan sirih dan tempat untuk menghidangkan serta mengagihkan sirih kepada tetamu. Tetapi pada masa kini ianya digunakan sebagai barang perhiasan dan juga sebagai alat dalam upacara-upacara rasmi. Penggunaannya amat penting dalam adat istiadat dan tidak sesuai untuk digunakan sebarangan.

Walaubagaimana pun terdapat berbagai-bagai jenis rekabentuk dan motif hiasan rekacorak pada permukaan tepak sirih. Ini telah menampakkan lagi keunikan dan keindahan dalam setiap rekaannya.

Kebanyakan tepak sirih adalah diperbuat daripada bahan logam seperti perak, tembaga, dan juga emas. Tetapi penggunaan logam emas jarang digunakan, tambahan pula harganya agak mahal, bagaimana pun penyaduran emas pada permukaan tepak sirih perak dan tembaga ada dilakukan.

1.1 SEJARAH TEPAK SIRIH

Masyarakat dahulu telah mencipta tepak sirih daripada tanah liat yang dibakar dan kemudiannya kaedah pembuatannya telah berubah dengan menggunakan tempurung serta buluh. Selain daripada tanah, tempurung dan juga buluh, pada ketika itu juga tepak sirih telah diperbuat daripada upih pinang, anyaman pandan dan mengkuang.

Oleh kerana pembuatan tepak sirih daripada sumber yang tidak tahan lama maka ia telah diperkukuhkan dengan menggunakan bahan logam seperti tembaga, perak, suasa dan juga emas. Bagaimana pun terdapat sesetengah petukang telah menggunakan campuran media iaitu menggabungkan kayu dengan logam manakala perak digabungkan dengan emas.

Tepak sirih dari segi maksudnya adalah merupakan sebuah bekas yang dilengkapi dengan komponen yang terdiri daripada bekas sirih, gobek, kacip, tepak, cembul, ketur dan juga bujam epok. Di dalamnya terdapat empat cembul yang digunakan untuk menyimpan ramuan sirih pinang di mana setiap cembul perlu disusun mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat dahulu.